

Balai Rakyat  
Buona Vista  
buka kelas  
silat, drama  
17 JAN 1990

ORANG ramai yang meminati seni silat dan drama boleh menganggotai Badan Kegiatan Melayu Balai Rakyat Buona Vista yang sedang mencari anggota baru.

Pengerusi badan itu, Haji Baba Abdul Samat, berkata anggota baru diperlukan untuk menjayakan kelas drama dan silat yang bakal diadakan bagi belia berusia 15 tahun ke atas.

Keanggotaan dibuka khususnya kepada mereka yang tinggal di Buona Vista atau kawasan yang berhampiran.

Kelas silat yang akan dipimpin oleh Encik Jamari Selamat itu akan diadakan setiap Isnin dari 8 hingga 10 malam, sementara kelas drama sedang diusahakan oleh badan itu. Masa dan tempat kelas itu belum dapat diputuskan.

Mereka yang berminat untuk menyertai kelas-kelas itu boleh mendaftarkan diri atau mendapatkan borang keahlian dari Balai Rakyat Buona Vista.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Haji Baba menerusi telefon 457-7679.

# Sijil tauliah cara berkesan kembangkan silat

18 JAN 1990  
B. Marlan (M)

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) perlu mengeluarkan sijil tauliah kepada semua jenis silat yang bergabung dengan badan induk itu sebagai pengiktirafan, dalam usaha meningkatkan seni mempertahankan diri itu ke peringkat lebih tinggi, *lapor RAZALI YAHYA.*

Ahli Jawatankuasa Teknikal Silat Majlis Sukan Negeri Sarawak (MSNS), Abu Bakar Suip, berkata silat di negara ini tidak mungkin berkembang ke luar negara jika usaha-usaha ke arah itu tidak dititikberatkan.

"Silat mampu bersaing dengan seni mempertahankan diri yang lain (taekwondo, judo dan karate) jika Pesaka 'lebih aktif' untuk meletakkan seni kebanggaan Melayu setanding dengan jenis sukan terbabit," jelasnya dalam temubual di Kuching baru-baru ini.

Abu Bakar berkata: "Cadangan saya ini tidak mempunyai niat di sebaliknya tetapi menyedari betapa wajarnya Pesaka sebagai badan induk memainkan peranan penting mempopularkan jenis-jenis silat di negara ini".

Beliau berkata, kita tidak menafikan bahawa negara ini mempunyai pelbagai jenis silat di setiap negeri tetapi ia belum setanding dengan seni mempertahankan diri yang lain.

"Mengapa ini boleh berlaku? Bagi saya, jawapannya mudah. Semua jenis silat di negara ini tidak mempunyai sijil pengiktirafan seperti yang dimiliki oleh ahli taekwondo, karate dan judo.

"Ketiadaan sijil pengiktirafan menyukarkan ahli-ahli silat daripada pelbagai pertubuhan di negara ini untuk mem-

buktikan mereka 'pakar' dalam jenis silat tertentu.

"Saya tidak menafikan ramai pesilat berkeupayaan di negara ini. Malah di Sarawak sendiri, lebih 40 jenis silat bergabung dengan Rumpun Silat Sarawak (RSS). Tetapi keunggulan mereka pasti terbatas kerana masing-masing tidak mempunyai sijil pengiktirafan sebagai bukti," tegas Abu Bakar.

Menurutnya, bukan setakat itu sahaja, silat di negara ini tidak mungkin dapat berkembang lebih meluas ke luar negara, terutama di Eropah.

"Sejauh ini, silat sudah mula popular di kebanyakan negara di Eropah. Ini dapat dilihat ketika Kejohanan Jemputan Silat Sedunia yang diadakan di Kuala Lumpur (1988).

"Apa yang menyedihkan, silat yang berkembang di negara-negara luar itu datangnya dari Indonesia. Inilah yang perlu kita sedar. Untuk ini, Pesaka perlu 'membuka mata' untuk melakukan sesuatu ke arah mempopularkan silat di negara ini ke arah menandingi silat dari negara jiran itu," jelasnya.

Abu Bakar selanjutnya berkata, untuk ini, saya berharap pegawai-pegawai Pesaka mengadakan perjumpaan dan berbincang dengan semua mahaguru silat yang bergabung dengan badan induk untuk melaksanakan tujuan murni itu.

"Sijil yang bakal dikeluarkan nanti perlu disahkan sendiri oleh badan induk, Pesaka. Dengan memiliki sijil pengiktirafan, silat di negara ini dapat terus dikekalkan serta mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi," jelas beliau.